

08/02/2001

MAYC, MBM sertai acara suntik patriotisme

KUALA LUMPUR, Rabu - Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) dan 37 badan gabungan Majlis Belia Malaysia (MBM) memberi komitmen untuk menyertai Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru di Stadium Malawati Shah Alam pada 18 Februari ini.

Presiden MBM, Saifuddin Abddulah dalam satu kenyataan hari ini berkata, 80 Majlis Belia Daerah turut memberi komitmen yang sama.

"Matlamat utama perhimpunan ini untuk meningkatkan semangat dan makna patriotisme. Jadi, semua belia diminta menghadirinya beramai-ramai," katanya.

Saifuddin berharap perhimpunan itu yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dapat memupuk semangat patriotisme yang tinggi di kalangan generasi muda.

Menurut Saifuddin, perhimpunan itu adalah pelancaran rasmi program "Patriotisme Alaf Baru" yang dijalankan MBM sejak 1 Januari 1999.

"Bagi memastikan keberkesanan perhimpunan itu, MBM mengatur pelbagai program susulan yang akan dilaksanakan di seluruh negara," katanya.

(END)